

Tel. No. 088 - 222337/222336/
222031/218201
Fax. No. 088 - 222557



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
Tingkat 3, 4 dan 5, Menara SDB
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens
Km. 2,4, Jalan Tuaran
88646 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Rujukan: JPBW:99/63 Jld.
Tarikh: 27 Julai 2012

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
No. 1, Jalan Bandaran
88675 KOTA KINABALU

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan
Peti Surat 221
90702 SANDAKAN

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau
Peti Surat No. 412
91007 TAWAU

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat
Peti Surat No. 201
89058 KUDAT

Semua Pengerusi
Majlis-Majlis Daerah
NEGERI SABAH

Datuk/Tuan/Puan,

Pekeliling LPPBD Bil. 1/2012:
Tugas dan Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan Sebagai

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dalam usaha untuk memperkemaskan lagi proses pertimbangan dan kelulusan pelan pembangunan di negeri ini, Jemaah Menteri telah meluluskan carta proses pertimbangan pelan pembangunan yang disertakan bersama ini seperti di Lampiran A.

2/...

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

(2)

3. Melalui proses yang disenaraikan dalam carta ini, adalah jelas bahawa keberkesanan pertimbangan dan kelulusan pelan pembangunan memerlukan tindakan proaktif dari pihak-pihak berikut:-

- 1) Pihak pemohon;
- 2) Pihak Berkuasa Tempatan;
- 3) Jabatan-Jabatan Teknikal; dan
- 4) Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa

4. Oleh itu, pihak Datuk/Tuan/Puan hendaklah memastikan bahawa langkah-langkah yang membabitkan pihak PBT dalam carta tersebut dipatuhi mengikut tempoh masa yang ditetapkan bagi setiap proses di bawah kendalian pihak Ybhg. Datuk/Tuan/Puan.

5. Seterusnya Carta ini hendaklah dimaklumkan di dalam mesyuarat JK Perancang Bandar dan Pelan Bangunan pihak Datuk/Tuan/Puan agar semua pihak termasuklah Ahli-Ahli Majlis dan Jabatan-Jabatan Teknikal/Penasihat dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

6. Sehubungan dengan Carta tersebut permohonan yang tidak lengkap, iaitu pelan pembangunan yang:-

- 1) Tidak disertai dengan salinan geran tanah yang disahkan;
- 2) Tidak ditandatangani oleh juruperunding (submitting person) yang bertauliah;
- 3) Tidak ditandatangani oleh pemilik berdaftar dalam geran tanah, jika tapak terlibat adalah berstatus Native Title (N.T.)

hendaklah dikembalikan kepada pemohon dengan serta merta.

7. Sila maklum bahawa, Jemaah Menteri telah menetapkan agar tempoh masa bagi pertimbangan dan kelulusan pelan pembangunan yang lengkap dan teratur (straight forward) adalah di antara tiga (3) hingga enam (6) bulan.

8. Bagi pelan pembangunan yang kompleks pula, iaitu pelan pembangunan yang memerlukan penyediaan dan kelulusan laporan-laporan berkaitan seperti Laporan Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar (EIA), Laporan Penilaian Kesan-Kesan Lalu-lintas (TIA) dan Kajian Geoteknikal, tempoh pertimbangan dan kelulusan adalah di antara enam (6) hingga dua belas (12) bulan. Bagaimanapun ini adalah bergantung kepada jangka masa penyediaan dan kelulusan laporan-laporan berkenaan.

9. Selaras dengan Pekeliling ini, bersama-sama ini disertakan Borang Senarai Semak seperti di Lampiran B, untuk rujukan dan tindakan Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.

3/...

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

Rujukan: JPBW:99/63 Jld.30/(71)
Tarikh : 10 Januari 2011

(3)

10. Sekiranya pihak Ybhg. Datuk/Tuan/Puan memerlukan penjelasan selanjutnya sila hubungi pihak kami:

Urusetia,
Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa
Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, iaitu
Pegawai Perancang berikut;

- i. Encik Pasdik Francies
- ii. Encik Usly Harun

11. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH ***

(MURSIDI HJ. SAPIE)

Setiausaha,
Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
KOTA KINABALU

Pengerusi
Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Wisma Tun Fuad Stephens
KOTA KINABALU

Pegawai Eksekutif / Jurutera / Juruteknik
Semua Majlis Perbandaran, Lembaga Bandaran dan Majlis Daerah
NEGERI SABAH

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

Rujukan: JPBW:99/63 Jld.30/(71)
Tarikh : 10 Januari 2011

Edaran dalaman:

- i. Timbalan Pengarah - untuk makluman
- ii. Semua Penolong Pengarah
- iii. Semua Pegawai Perancang
- iv. Semua Penolong Pegawai Perancang

Semua Pegawai yang terlibat dengan Pelan Pembangunan dikehendaki memastikan Surat Pekeliling ini dipatuhi dan memantau pelaksanaannya serta menyediakan laporan lengkap dan mengemukakannya kepada PP1.

MHS/PF

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH